



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

DUA PROJEK RTB BERNILAI RM725.7 JUTA DIJANGKA SELESAI ISU BANJIR PEKAN DENGKIL HINGGA LABOHAN DAGANG

Sebanyak RM725.7 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan dua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dipercayai dapat menyelesaikan isu banjir di kawasan Pekan Dengkil sehingga ke Labohan Dagang.

Dianggarkan seramai 120,000 penduduk di kawasan tersebut dapat dilindungi dari impak bencana banjir dengan pelaksanaan Projek RTB Sg Langat Fasa 1 dan Projek RTB Sg Langat Fasa 2. Kedua projek ini merupakan rancangan jangka panjang Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pada masa ini, Projek RTB Sg Langat Fasa 1 sedang di dalam proses pengambilan tanah dan dijangka siap pada 2027. Projek RTB Sg Langat Fasa 2 pula dijangka bermula pada Januari 2024 dan siap sepenuhnya menjelang 2030. Ia merupakan projek di bawah Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (TBBT).

Bagi tindakan jangka pendek pula, kekerapan penyelenggaraan sistem saliran di kawasan tersebut telah ditingkatkan oleh pihak berkaitan.

Pihak JPS berharap semua kelulusan pembangunan yang melibatkan komponen Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pemaju. Ini kerana kejadian banjir yang berlaku di Jalan Utama Taman Warisan Suria dan Persimpangan FT29/ FT32 sejak 5 November 2023 lalu adalah berpunca daripada jumlah air kelodak dari kawasan pembangunan di *upstream* yang banyak, menyebabkan berlaku limpahan dari Sungai Kelinsing.

Susulan kejadian banjir tersebut, Menteri NRECC Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke kawasan terkesan di sekitar Sungai Langat di Mukim Dengkil, Daerah Sepang, hari ini.

Kawasan yang terlibat termasuk Kg Sungai Buah, Kg Jenderam Hilir, Kg Cemperai, Kg Seri Tanjung, Taman Delima, Kg Orang Asli Sg Melut, Persimpangan FT29/ FT32 dan juga kuarters Penternakan Ayamas Sdn Bhd di Jalan Utama Taman Warisan Suria.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia

Dianggarkan sebanyak 148 buah rumah terjejas dan seramai 395 penduduk telah dipindahkan ke pusat perpindahan sementara akibat banjir berkedalaman 0.2m-0.5m.

Hujan lebat dengan rekod bacaan 108mm yang berterusan melebihi 1 jam di kawasan Hulu Sg Semenyih dan Hulu Sungai Langat telah menyebabkan paras air Sungai Langat meningkat sehingga 12.21m, melepasi paras bahaya 11.00m, pada jam 5.30 pagi pada hari yang sama.

Banjir bertambah buruk selepas air Sungai Parit Tampoi kawasan Kg Cemperai melimpah akibat arus air yang deras. Projek menaiktaraf ban Sg Parit Tampoi akan disiapkan di bawah projek RTB melalui peruntukan Kerajaan Negeri Selangor. Ia bernilai RM9 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 12 Jun 2025.

Selain itu, faktor sistem saliran dalaman yang tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak dan tidak diselenggara juga turut menyumbang kepada berlakunya banjir di kawasan terbabit.

Sebagai tindakan segera bagi mengurangkan impak kepada penduduk, JPS Negeri Selangor telah menempatkan dua (2) unit pam bergerak di Kg Seri Tanjung dan Taman Delima bagi mengepam air keluar dari kawasan banjir. Manakala kerja-kerja segera pembaikan ban pecah telah dilaksanakan serta merta oleh kontraktor di bawah projek RTB tersebut.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

11 NOVEMBER 2023

